

Sel. P.U. 72.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN  
(MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA) 2007

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEBERSIHAN MAKANAN

4. Bekalan air
5. Kebersihan tempat yang digunakan untuk persediaan atau jualan makanan
6. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dsb.
7. Penjualan makanan yang tidak bersih dilarang
8. Kebersihan pengendali makanan
9. Orang yang dilarang mengendalikan makanan
10. Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih
11. Tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan
12. Bekas simpanan yang dilarang
13. Pencemaran makanan
14. Menjual atau menyediakan makanan di tempat terbuka
15. Perkakasan

Undang-  
Undang  
Kecil

16. Pengendalian makanan
17. Membawa makanan
18. Pemeriksaan perubatan

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

19. Kuasa penangkapan
20. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV

AM

21. Penalty am
22. Pendakwaan
23. Pengkompaunan kesalahan
24. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
25. Pembatalan dan peruntukan peralihan

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Petaling Jaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

###### Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007**.  
(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 19 Julai 2007.

###### Pemakaian

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

###### Tafsiran

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jualan atau jual” termasuklah penjualan makanan untuk dimakan oleh manusia, barter atau pertukaran dan—

- (a) penawaran atau percubaan untuk menjual apa-apa makanan sedemikian;
- (b) menyebabkan atau membenarkan apa-apa makanan sedemikian untuk dijual;
- (c) mendedahkan, menerima, menghantar atau menyerah apa-apa makanan sedemikian untuk jualan;
- (d) membekalkan apa-apa makanan sedemikian jika balasan akan diterima oleh pembekal bagi bekalan itu sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang dikontrakkan; dan
- (e) memiliki apa-apa makanan untuk jualan atau memiliki apa-apa makanan dengan mengetahui bahawa ia mungkin akan dijual, ditawarkan atau didekahkan untuk jualan;

“makanan” termasuklah setiap benda yang digunakan untuk makanan atau minuman oleh manusia atau yang dimasukkan ke dalam atau digunakan

di dalam persebatian atau persediaan apa-apa benda sedemikian dan termasuklah juga bahan pewarna, perasa dan perencah, tetapi tidak termasuk—

- (a) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai ubat;
- (b) binatang atau burung yang hidup; atau
- (c) makanan ternakan atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan;

“persediaan” termasuklah pengilangan, pembungkusan, serahan, pengangkutan, simpanan dan menghidangkan makanan;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis lesen oleh Datuk Bandar.

## BAHAGIAN II

### KEBERSIHAN MAKANAN

#### Bekalan air

4. Tiada seorang pun yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud yang berkaitan dengan jualan atau persediaan makanan itu—

- (a) apa-apa air selain air dari paip yang disambungkan kepada paip air utama dari bekalan air awam; atau
- (b) apa-apa air dari paip atau sumber lain daripada tandas.

#### **Kebersihan tempat yang digunakan untuk persediaan atau jualan makanan**

5. (1) Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan hendaklah memastikan pada setiap masa, bahawa tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan itu bersih.

(2) Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan hendaklah memastikan bahawa apa-apa jalan, laluan atau ruang yang betul-betul di hadapannya, di belakangnya atau bersebelahan dengan tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan itu berada dalam keadaan bersih dan bebas dari himpunan benda berbahaya, kotor, sampah-sarap, sampah atau bahan atau benda lain yang dibuang olehnya.

#### **Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dsb.**

6. Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan apa-apa makanan hendaklah memastikan pada setiap masa bahawa segala bekas, perkakas, kenderaan, barang, alat, kerusi-meja, kelengkapan, jentera atau apa-apa perlengkapan yang digunakan bagi atau berkaitan dengan makanan itu, berada pada setiap masa dalam keadaan bersih dan bebas daripada kotoran dan habuk, bau busuk, binatang perosak, lalat dan serangga lain.

**Penjualan makanan yang tidak bersih dilarang**

7. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa makanan yang tidak bersih atau mengandungi apa-apa benda yang—

- (a) tidak menjadi sebahagian daripada makanan itu;
- (b) digunakan dalam komposisi; atau
- (c) digunakan untuk persediaan makanan.

(2) Tiada seorang pun boleh menjual atau membungkus untuk jualan apa-apa makanan dalam bungkus yang tidak bersih.

**Kebersihan pengendali makanan**

8. (1) Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan hendaklah bila ia terlibat sedemikian menyenggara pakaiannya dan badannya dalam keadaan bersih.

(2) Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan hendaklah, pada setiap kali—

- (a) sebelum memulakan jualan atau persediaan itu;
- (b) selepas keluar dari tandas, bilik air atau apa-apa tempat kemudahan lain; atau
- (c) selepas menyentuh atau memegang apa-apa benda atau permukaan atau tubuh yang tidak bersih,

membasuh tangan sebersih-bersihnya dengan sabun dan air bersih.

(3) Tiada seorang boleh meludah, membuang hingus, merokok atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana persediaan lain atau mengunyah daun sirih atau pinang semasa terlibat dalam jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan.

(4) Tiada seorang pun yang luka atau melelas kulit pada mana-mana tangan atau jarinya boleh terlibat dalam jualan atau persediaan bagi jualan makanan melainkan jika luka atau kulit yang melelas itu dibalut rapi dengan pembalut kalis air.

(5) Setiap orang hendaklah setiap masa memakai apron dan penutup kepala semasa jualan atau persediaan bagi penjualan apa-apa makanan dan hendaklah memastikan apron dan penutup kepala tersebut dalam keadaan bersih pada setiap masa.

**Orang yang dilarang mengendalikan makanan**

9. Tiada seorang pun—

- (a) menghidap apa-apa penyakit yang merebak; atau

- (b) membawa apa-apa penyakit berjangkit; atau
- (c) menghidap apa-apa jua keadaan menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau penyakit kulit lain; atau
- (d) mempunyai sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa ia berkemungkinan menyebar organisma yang membiakkan penyakit; atau
- (e) ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang menghidap penyakit yang merebak; dan
- (f) tidak mendapatkan imunisasi demam kepialu dan apa-apa penyakit yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa,

boleh terlibat dalam pengilangan, persediaan, pembungkusan, penghantaran, pengangkutan, penyimpanan, penghidangan atau mengendalikan apa-apa bahan makanan untuk jualan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas simpanan bagi makanan.

#### **Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih**

10. Tiada seorang pun boleh menggunakan bagi maksud mengelap, membersihkan atau menggilap apa-apa makanan untuk dijual atau apa-apa pembungkus atau alat yang digunakan berhubung dengannya, apa-apa kain buruk atau penyaru habuk selain kain yang dikhaskan bagi tujuan mengelap atau membersihkan atau menggilap makanan dan kain tersebut hendaklah dipastikan dalam keadaan bersih pada setiap masa.

#### **Tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan**

11. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa makanan di dalam mana-mana tandas atau tempat yang seumpamanya atau di mana-mana tempat yang pada bila-bila masa digunakan untuk tidur atau yang dihubung terus dengan ruang tidur, tandas atau mana-mana tempat di mana apa-apa binatang atau burung dibiarkan berada.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan di mana-mana tempat di mana apa-apa benda, binatang atau burung disimpan atau apa-apa kerja dijalankan dengan mana benda makanan itu boleh tercemar atau keadaan tidak baik atau kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seorang pun boleh meletak, menyimpan, membawa, menyebar atau mengguna atau menyebabkan diletak, disimpan, dibawa, disebar atau diguna di mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan apa-apa makanan, apa-apa racun atau apa-apa jirim yang beracun atau menjijikkan atau apa-apa material lain yang mungkin mencemar keadaan baik makanan itu, tetapi tiada apa-apa di dalam perenggan ini boleh menahan penggunaan betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga atau serangga perosak lain.

**Bekas simpanan yang dilarang**

12. (1) Tiada seorang pun boleh menyertakan, membawa atau menyimpan dalam apa-apa makanan untuk jualan dalam mana-mana beg, karung atau bekas apa-apa makanan untuk jualan jika bekas itu pernah pada bila-bila masa mengandungi atau pernah digunakan bagi membawa apa-apa racun atau bahan yang memudaratkan atau apa-apa bahan yang mungkin akan menjadikan makanan itu rosak atau tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- (2) Tiada apa-apa peti, bakul atau bekas lain yang tidak bersih boleh digunakan untuk mengisi atau persediaan apa-apa makanan untuk jualan.

**Pencemaran makanan**

13. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan apa-apa makanan bagi jualan atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan bagi jualan hingga tersentuh dengan apa-apa plastik, logam atau objek lain, benda atau bahan untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika jualan makan melainkan jika objek, benda atau barang sedemikian itu dibalut sepenuhnya dalam suatu pembungkus yang dibuat dari bahan yang tidak mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi bahan yang mungkin diserap atau ada kemungkinan meresap ke dalam makanan dan tiada seorang boleh meletakkan apa-apa benda atau bahan sedemikian dalam apa-apa makanan dengan sebegini cara hingga ianya bercampur atau dilitupi dengan makanan itu.

(2) Setiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ianya diterima oleh seseorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan cara lain yang berkesan.

(3) Tiada seorang boleh membawa untuk jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual melainkan jika ianya dibungkus atau diletak di dalam bekas atau bungkusan lain yang sengaja dibentuk bagi menghindar benda makanan itu dari tercemar.

(4) Tiada seorang boleh membawa, meletak atau mendeposit atau dibenarkan membawa, meletak, atau mendeposit dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, mana-mana kotoran, benda yang mengganggu atau material lain yang mungkin mencemar, keadaan baik atau kebersihan benda makanan yang dibawa di dalamnya.

(5) Tiada seorang boleh mengguna berkaitan dengan penjualan atau persediaan bagi jualan bagi apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, apa-apa kertas yang terdapat bahan tulisan atau cetakan di atasnya mengikut apa juar cara di mana makanan itu boleh tersentuh dengan bahan tulisan atau cetakan itu.

(6) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kaunter, bar atau lantai melainkan jika ianya dijaga atau dibungkus supaya terhindar benda makanan itu dari kemungkinan tercemar.

### **Menjual atau menyedia makanan di tempat terbuka**

14. Tiada seorang pun boleh menjual atau menyediakan untuk dijual apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau di mana-mana tempat terbuka lain yang tingginya kurang daripada 0.5 meter dari permukaan lantai atau jalan atau kawasan lapang itu.

### **Perkakasan**

15. (1) Tiada seorang pun boleh mengguna atau menghidang makanan bagi jualan apa-apa perkakasan makanan atau minuman yang tidak dibersihkan selepas pemakaian yang terakhir yang mana perkakasan itu telah digunakan sama ada atau tidak alat itu diberi kepada orang yang sama sebelum itu menggunakan perkakasan tersebut.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa perkakasan makanan atau minuman bagi menghidangkan makanan untuk jualan jika perkakasan itu tidak bersih.

(3) Tiada seorang boleh menggunakan atau terdapat dalam milikannya untuk kegunaan bagi jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan, bekas minuman, pinggan, piring atau bekas simpanan lain yang sumbing, pecah atau retak.

### **Pengendalian makanan**

16. (1) Setiap orang yang menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual tidak boleh semasa penjualan atau persediaan itu—

- (a) mengendali atau membenarkan pengendalian apa-apa makanan dengan jarinya tetapi hendaklah menggunakan pencedok, penyepit atau perkakas lain yang sesuai bagi maksud sedemikian;
- (b) menyentuh mana-mana bahagian badan sendiri atau orang lain;
- (c) menghembus nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;
- (d) menyapu tangannya ke atas bajunya atau dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;
- (e) meletak sehingga menyentuh makanan bagi jualan, apa-apa bahan atau benda yang kotor atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut;
- (f) batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan; atau
- (g) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mencemarkan makanan.

(2) Pencedok, penyepit atau perkakas lain yang sesuai bagi mengendali apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah sentiasa bersih.

(3) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan boleh menyentuh dengan mulut apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu;

(4) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual boleh membawa apa-apa alatan atau perkakasan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau penyediaan itu dengan cara yang boleh menjelaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu dari pencemaran.

#### **Membawa makanan**

17. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa kenderaan, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih untuk membawa atau menyerahkan apa-apa makanan untuk dijual.

(2) Tiada seorang boleh mengguna apa-apa kenderaan, pengangkutan atau bekas untuk membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung, bahan atau benda lain yang boleh mencemarkan kebersihan atau kebebasan dari pencemaran—

- (a) apa-apa makanan untuk jualan;
- (b) kenderaan, pengangkutan atau bekas untuk membawa atau mengisi makanan untuk jualan tersebut; atau
- (c) bekas yang biasa dibawa atau diisi makanan untuk jualan tersebut.

#### **Pemeriksaan perubatan**

18. (1) Mana-mana orang yang bekerja atau terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan apa-apa benda makanan hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan tentang kesihatannya sekurang-kurangnya setahun sekali.

(2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan, yang dilantik berdaftar di bawah Akta Pengamal Perubatan 1971 [Akta 50].

(3) Jika mana-mana orang setelah diperiksa didapati oleh pegawai perubatan atau kesihatan mengidap penyakit merebak atau berjangkit atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau yang pada pendapat pegawai perubatan atau kesihatan berkemungkinan merupakan punca jangkitan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah serta-merta menghilangkan kelayakan orang yang diperiksa itu daripada bertugas atau bekerja di mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan untuk jualan apa-apa makanan sehingga disahkan oleh pegawai perubatan atau pegawai kesihatan bahawa dia telah sembuh atau tidak lagi berkemungkinan menjadi punca jangkitan.

(4) Mana-mana orang—

- (a) yang enggan menjalani suatu pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan; atau
- (b) yang setelah diperiksa dan hilang kelayakan, meneruskan tugas di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau persediaan untuk jualan apa-apa benda makanan,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Tuan punya, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang diguna bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa benda makanan, yang setelah diberitahu dengan bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen bahawa seseorang yang bertugas bagi jualan makanan telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau setelah diperiksa hilang kelayakan dari bertugas, membenarkan orang itu meneruskan tugas di dalamnya atau tinggal di dalam kawasan sekitarnya hendaklah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

### BAHAGIAN III

#### PENGUATKUASAAN

##### Kuasa penangkapan

19. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

##### Kuasa menyita

20. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tiga puluh hari, Majlis bolehlah melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan Majlis dan apa-apa hasil yang diperoleh hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

(5) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### BAHAGIAN IV

AM

##### **Penalti am**

21. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

##### **Pendakwaan**

22. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

##### **Pengkompaunan kesalahan**

23. (1) Datuk Bandar, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar atau Setiausaha atau

Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

#### Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini

24. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### Pembatalan dan peruntukan peralihan

25. (1) Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) <sup>1982</sup> [Sel. P.U. I] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen, borang, surat kebenaran, pelantikan yang telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Undang-Undang Kecil ini seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini sehingga dibatalkan.

Dibuat oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam mesyuaratnya pada 29 Mei 2007.

MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 4 Julai 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Selangor

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### FOOD HANDLERS (PETALING JAYA CITY COUNCIL) BY-LAWS 2007

#### ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

#### PART I

##### PRELIMINARY

###### By-Law

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

#### PART II

##### FOOD HYGIENE

4. Water supply
5. Cleanliness of places used for the preparation and sale of food
6. Food to be kept away from dust, etc.
7. Sale of unhygienic food prohibited
8. Cleanliness of food handlers
9. Persons prohibited from handling food
10. Proper use of cloth for cleaning purposes
11. Places prohibited for preparation and sale of food
12. Prohibited containers
13. Contamination of foods
14. Sale or preparation of foods in open space
15. Utensils
16. Handling of foods
17. Carriage of foods
18. Medical examination

---

PART III

ENFORCEMENT

By-Law

19. Power to arrest
20. Power of seizure

PART IV

GENERAL

21. General penalty
22. Prosecution
23. Compounding of offences
24. Powers of police officers under this By-Laws
25. Repeal and transitional provision

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

FOOD HANDLERS (PETALING JAYA CITY COUNCIL)  
BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Petaling Jaya City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) This By-Laws may be cited as the **Food Handlers (Petaling Jaya City Council) By-Laws 2007**.
- (2) This By-Laws comes into operation on 19 July 2007.

Application

2. This By-Laws shall apply only to the area administered by the City Council of Petaling Jaya.

Interpretation

3. In this By-Laws, unless the context otherwise requires—

“sale or sell” includes sale of food for human consumption, barter or exchange and—

  - (a) offering or attempting to sell any such food;
  - (b) causing or allowing any such food to be sold;
  - (c) exposing, receiving, sending or delivering any such food for sale;
  - (d) supplying any such food where consideration is to be received by the supplier for such supply either specifically or as part of a service contracted for; and
  - (e) having in possession any food for sale or having in possession any such food knowing that it is likely to be sold, offered or exposed for sale;

“food” includes every article which is used for food or drink by man or which enters into or used in the composition or preparation of any such article and also includes coloring and flavoring matters and condiments, but does not include—

- (a) article or substances used only as medicine;

- (b) live animals or birds; or
- (c) fodder or feeding stuffs for animals, birds or fish;

"preparation" includes manufacturing, packing, delivery, carriage, storage and serving of food;

"Licensing Authority" means the Mayor, Secretary or any officer authorized in writing by the Mayor.

## PART II

### FOOD HYGIENE

#### Water supply

4. No person engaged in the sale or preparation for sale of food shall use for any purpose pertaining to such sale or preparation—

- (a) any water other than water from a tap connected to the water mains from the public water supply; or
- (b) any water from a tap or other source from a private or public lavatory.

#### Cleanliness of places used for the preparation and sale of food

5. (1) Every person engaged in the sale or preparation for sale of food shall at all times maintain the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness.

(2) Every person engaged in the preparation or sale of food shall ensure any avenue, passage or space immediately in front of, behind or by the sides of the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness and free of any accumulation of noxious or offensive matter, or garbage, refuse or other matter or thing discarded by him.

#### Food to be kept away from dust, etc.

6. Every person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall keep at all times such food and all receptacles, implements, vehicle, articles, utensils, benches, fittings, machinery and other appliances used for or in connection with such clean and free from dirt and dust, foul odors, vermin, flies and other insects.

#### Selling of unhygienic food prohibited

7. (1) No person shall sell any article of food which is not clean or which contains any matter which is—

- (a) foreign matter to the nature of such food;

- (b) used in the composition; or
- (c) used in the preparation of food.

(2) No person shall sell or pack for sale any article of food in a package which is not clean.

#### Cleanliness of food handlers

8. (1) Every person engaged in the sale or preparation for sale of food shall, when so engaged, maintain his clothing and his body in a state of cleanliness.

(2) Every person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall on every occasion—

- (a) before commencing such sale or preparation;
- (b) after visiting any toilet, privy, or other similar convenience;
- (c) after touching or holding anything or surface or body which is unclean;
- (d) wash his hands thoroughly with soap and clean water.

(3) No person shall spit, expel mucus, smoke or use tobacco or snuff or any other preparation or chew betel leaf or betel nuts while engaged in the sale or preparation for sale of any food.

(4) No person having cuts or skin abrasions of the hands or fingers shall engage in the sale or preparation for sale of food unless such cuts or skin abrasions are properly dressed with water proof dressing.

(5) Every person shall at all times, wear apron and head cover while engaged in the sale or preparation for sale of any food, and shall ensure such apron and head cover are in the state of cleanliness at all times.

#### Person prohibited from handling food

9. No person who—

- (a) suffers from a communicable disease;
- (b) carries any infectious disease;
- (c) suffers from any condition causing a discharge of pus or serum from any part of the body or other skin ailment;
- (d) has a reason to believe or suspect that he is likely to transmit disease producing organism on which is communicable; or
- (e) is in contact with any person suffering from a communicable disease; and
- (f) to be immunised against typhoid and any other diseases as directed by the Council from time to time.

shall engage in the manufacture, preparation, packing, delivering, carriage, storage, serving or handling of any article of food for sale or of any article used or likely to be used as food or of any material used or likely to be used as wrapper or container for food.

#### **Proper use of cloth for cleaning purposes**

10. No person shall use for the purpose of wiping, cleaning or polishing any food for sale or any packing or utensils used in connection therewith, any rag or duster except cloth exclusively kept for the purpose of wiping, cleaning or polishing food and shall ensure such cloth at all times in a clean condition.

#### **Places prohibited for sale and preparation of food**

11. (1) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any toilet or other similar convenience or in any place which is at any time used for sleeping or which is in direct connection with a sleeping space or with any toilet or in any place where any animal or bird is allowed to be.

(2) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any place in which any thing, animal or bird is kept or any work is carried on whereby such article of food is liable to be contaminated or its wholesomeness or cleanliness be affected.

(3) No person shall place, keep, carry, spread or use or cause to be placed, kept, carried, spread, or used in any place used for the sale or preparation for sale of any food, any poison or any noxious or offensive matter or any other material which might contaminate the wholesomeness of the food; but nothing in this paragraph shall prevent the proper use of spraying mixtures containing poisons for the purpose for controlling the attack of insects or other pests.

#### **Prohibited containers**

12. (1) No person shall enclose, carry or store any article of food for sale in any bag, sack or similar receptacle which has at anytime, contained or has been used for the conveyance of any poison or harmful material or any material which may render such food unsound or unfit for human consumption.

(2) No unclean box, basket, or other receptacle shall be used for containing or preparing any article of food for sale.

#### **Contamination of food**

13. (1) No person shall place in contact with any food for sale or in any package containing food for sale any plastic, metal or other object or other article or thing to be sold or given to the purchaser on the sale of the food unless such object, article or thing is completely enclosed in a wrapper made of material which will not contaminate the food and which contains no ingredients which might be absorbed by or is likely to pass into the food and no person shall place any such article or thing in any food in such a manner as to be mixed in or enclosed in the food.

(2) Every person who sells any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall protect such food, until it is delivered to a purchaser, by storing in sealed receptacles or by other effective means.

(3) No person shall carry for sale any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, unless it is enclosed or contained in a receptacle or other packing so constructed as to prevent such article of food from being contaminated.

(4) No person shall carry, place or deposit or allow to be carried, placed or deposited in any vehicle used for carriage of any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any dirt, offensive matter or other material which might contaminate the wholesomeness or cleanliness of the article of food carried therein.

(5) No person shall use in connection with the sale or preparation for sale of any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any paper with written or printed matter thereon in any manner whereby such food can come in contact with such written or printed matter.

(6) No person shall sell any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, which has been dropped, placed or stored in any counter, bar or floor unless it is protected or is so wrapped as to protect such article of food from likely contamination.

#### Selling or preparing food in open space

14. No person shall sell or prepare for sale any food in any premises, street or other open space at a level lower than 0.5 meters above the floor level of such premise, street or open space.

#### Utensils

15. (1) No person shall use for the serving of food for sale any eating or drinking utensil which has not been cleaned after the last occasion on which such utensil was used whether or not such utensil is given to the same person who had previously used the utensil.

(2) No person shall use any eating or drinking utensil for serving of food for sale if such utensil is not clean.

(3) No person shall use or have in his possession for use for the sale or preparation for sale of any food, drinking vessel, plate, saucer or other container which is chipped, broken or cracked.

#### Handling of food

16. (1) Every person who sells or prepares for sale any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall not during such sale or preparation—

(a) handle or permit to be handled any such food with his fingers, but shall use a scoop, tongs or other suitable utensils for such purpose;

- (b) touch any part of his body or any other person;
- (c) breath open any bag or wrapper;
- (d) wipe his hands upon his clothing or by any means other than with a clean towel or cloth;
- (e) place in such a way that it can come into contact with food for sale, any substance, material or article which is unclean or liable to contaminate such food, or which has been in contact with the mouth;
- (f) cough or sneeze near any food; or
- (g) conduct any actions which may contaminate the food.

(2) The scoop, tongs or other suitable implement used for the handling of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall be clean at all times.

(3) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall apply to the mouth any appliance used for or in connection with such sale or preparation.

(4) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall carry any appliance or utensil used for in connection with such sale or preparation in such a manner as to affect the wholesomeness, cleanliness or freedom of such food from contamination.

#### Carriage of food

17. (1) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle which is not clean for the carriage or delivery of any food for sale.

(2) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle to carry or contain any animal, bird or other matter or thing that can contaminate the wholesomeness or freedom from contamination of:

- (a) any food for sale;
- (b) such vehicle, conveyance or receptacle for carriage or containing any such food for sale; or
- (c) receptacle which is ordinarily used for carriage or containing of any such food for sale.

#### Medical examination

18. (1) Any person working or engaging in the sale or preparation for the sale of any article of food shall undergo a medical examination as to his or her health condition at least once a year.

(2) Such examination shall be carried out by a medical or health officer registered under the Medical Practitioners Act 1971 [Act 50].

(3) If any person after being examined, is found by the medical or health officer to be suffering from an infectious or contagious disease or any disease of the skin which is dangerous or is in the opinion of the medical or health officer, likely to be a source of infection, the Licensing Authority shall immediately disqualify the person examined from working or engaging in any place used for the sale or preparation for sale of any food, until such time as it is certified by the medical or health officer that he has been cured or is no longer likely to be a source of infection.

(4) Any person—

- (a) who refuses to undergo a medical examination when requested to do so; or
- (b) who, has been medically examined and is disqualified, continues to work in any place used for the sale or preparation for the sale of any article of food,

commits an offence.

(5) The owner, licensee, occupier or keeper of any place used for the sale or preparation for sale any article of food, who, having been notified in writing by the Licensing Authority that a person working in such place used for the sale or preparation for sale of food has refused to submit to a medical examination or, having been examined, has been disqualified from working, permits such person to continue to work therein or to remain within the precincts thereof shall be guilty of an offence under this By-Law.

### PART III

#### ENFORCEMENT

##### Power to arrest

19. (1) The Mayor or any authorized officer may arrest without warrant any person—

- (a) whom he reasonably believes to have committed an offence under this By-Laws; or
- (b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this by-law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and residence are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

**Power of seizure**

20. (1) Any authorized officer may seize or remove any things or goods in contravention of this By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorized officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2) above, may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Licensing Authority.

(4) If there is no claim made after the period of thirty days expires, the Council may dispose such things or goods according to the manner determined by the Council and any revenue received shall be credited to the Local Authority Fund.

(5) The Mayor or any authorized officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this by-law.

**PART IV****GENERAL****General penalty**

21. A person who commits an offence under this By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

**Prosecution**

22. No prosecution shall be instituted for an offence under this By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

**Compounding of offences**

23. (1) The Mayor, Secretary or Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under this By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of

having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the Mayor, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All moneys received under this by-law shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

#### Powers of police officer under these By-Laws

24. Nothing contained in this By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under this By-Laws.

#### Repeal and transitional provision

25. (1) Food Handlers (Petaling Jaya City Council) By-Laws 1984 [Sel. P.U. 1] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall be deemed to be made or issued under this By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Made by the Petaling Jaya City Council in the meeting on 29 May 2007.

MOHAMAD ROSLAN BIN SAKIMAN  
*Mayor*  
*Petaling Jaya City Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 4 July 2007.

SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR  
*Clerk*  
*State Executive Council*  
*Selangor*

